

03/06/2004

Dr M syor mata wang Asia Timur

By Mior Kamarul Shahid

TOKYO: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang dianugerahkan Doktor Kehormatan Undang-Undang Universiti Keio, di sini, semalam mencadangkan Asia Timur menggunakan mata wang sendiri, disokong dengan nilai emas, dalam urusan perdagangan.

Dr Mahathir berkata, perdagangan mata wang Asia Timur berasaskan emas adalah lebih stabil berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) atau Euro, malah dengan Yen sekali pun.

"Jika negara Eropah boleh mempunyai mata wang Eropah untuk urusan perdagangan di semua negara Kesatuan Eropah (EU), pastinya Asia Timur boleh mempunyai satu mata wang bersama, semata-mata untuk tujuan perdagangan antara negara anggota," katanya.

Mencadangkan langkah itu ketika menyampaikan ucapan 'Masyarakat Asia Timur dan Peranan Jepun', beliau berkata walaupun nilai emas turut mengalami naik dan turun dalam mana-mana mata wang, ia tidaklah begitu besar berbanding nilai wang kertas.

Sebagai contoh, sewaktu krisis kewangan di Asia Timur, rupiah Indonesia jatuh daripada 2,500 rupiah atau 1 dolar AS kepada 16,000 rupiah. Hari ini, 1 dolar AS sama dengan kira-kira 9,000 rupiah. Nilai emas tidak pernah jatuh begitu besar.

Dr Mahathir, yang yakin langkah itu boleh meminimumkan kesan kejatuhan dolar AS berkata, harga barangan Jepun kini menjadi begitu mahal bagi negara Asean dan tidak boleh bersaing dengan barangan AS, apa lagi dengan keluaran China.

Menyifatkan keadaan itu sebagai tidak sihat, beliau berkata ia berlaku kesan penggunaan dolar AS sebagai mata wang perdagangan dan menilai mata wang lain berbanding dolar AS.

"Bila nilai mata wang Asia Timur jatuh akibat percaturan perdagangan mata wang, negara yang terjejas mengalami kemelesetan. Kejatuhan dolar AS berbanding Euro dan Yen, tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi AS kerana semua harga terutamanya harga minyak dalam dolar," katanya.

Beliau berkata, dengan simpanan dalam dolar AS di Jepun, China dan negara Asia lain serta penduduk di AS sendiri, negara itu tidak pernah mengalami kekurangan wang untuk pembayaran importnya.

"Disebabkan semua hutang dalam dolar AS dan pembayaran juga dibuat dalam dolar AS, ia tidak memberi kesan kepada negara itu walau pun nilai dolar AS merosot," katanya.

Bekas Perdana Menteri itu juga mencadangkan supaya Jepun bersedia menjadikan Yen sebagai mata wang perdagangan bagi Asia Timur, menggantikan dolar AS.

Dr Mahathir berkata, banyak perkara yang boleh dilakukan Jepun untuk mewujudkan masyarakat Asia Timur yang berjaya termasuk meningkatkan perdagangan dengan negara di rantau itu.

Ia juga boleh melatih dan meningkatkan tenaga kerja negara anggota, kapasiti teknologi dan perindustrian, membuat pelaburan bersama negara Asia dan memberi syarat terbaik kepada negara miskin .

Katanya, usaha ini akan memberi sumbangan kepada pembangunan Jepun sendiri atas dasar memakmurkan jiran.

Asia Timur yang kaya akan menjadi pasaran terbaik Jepun. Pembabitan Jepun di Asia Timur akan menstabilkan rantau ini dan menyumbang kepada kesejahteraan politik, ekonomi dan sosial dunia.

Beliau juga berkata, AS mesti mengekalkan nilai mata wangnya dengan

mengurangkan defisit yang besar dan hidup berasaskan kemampuannya.
(END)